

31/10/2002

Lakaran baru perjuangan politik bangsa Melayu

TIDAK mungkin sesuatu gerak kerja perjuangan dilakar secara lengkap sewaktu perjuangan dimulakan. Manusia tidak dapat menjangkau keadaan masa depan dan menentukan apakah yang akan berlaku pada masa mendatang yang terlalu jauh.

Mereka mungkin dapat menjangkakan keadaan masa depan yang singkat berdasarkan apa yang telah diketahui hari ini. Justeru, perancangan berkesan mestilah dilakukan secara berperingkat.

Begitupun, setiap tahap perancangan itu tidak boleh bersifat dogmatik sehingga tidak boleh dipinda dan diubah suai mengikut keadaan dan realiti. Perancangan yang anjal penting supaya matlamat yang ditetapkan mampu dicapai dalam jangka masa sesuai.

Mungkin ada yang berkata, keperluan seperti yang dinyatakan di atas, tidak dikehendaki kerana Islam telah lengkap dan sempurna. Perjuangan Islam tidak memerlukan perancangan kerana segala-galanya sudah dinyatakan dalam al-Quran dan Sunnah.

Tetapi orang yang berpegang kepada pendapat itu lupa bahawa ajaran al-Quran dan Sunnah itu diturunkan untuk dilaksanakan oleh manusia. Ajaran Islam itu berinteraksi secara berterusan dengan kelebihan dan kekurangan manusia.

Kerana itu, potensi yang dilengkapkan dalam diri manusia memainkan peranan penting di dalam menjaya dan menggagalkan perjuangan Islam. Ini dapat dibuktikan daripada sejarah tamadun dan peradaban Islam sendiri yang mengalami proses menegak, melintang dan menurun.

Ajaran Islam sentiasa berinteraksi dengan akal, naluri dan anggota manusia bagi menghayatinya. Jika masyarakat Islam yang menerima Islam tidak banyak menggunakan akalinya, tidak mengurus nalurinya dengan baik dan tidak melatih dan menggunakan anggotanya secara bijak, maka perjuangan menegakkan Islam akan menjadi hambar dan kaku.

Kejayannya akan bersua dengan maksud pepatah "jauh panggang dari api." Kejayaan dalam penghayatan Islam mungkin dapat dilihat di depan mata sekiranya masyarakat Islam menggunakan potensi akalinya secara maksimum, menggunakan potensi nalurinya dengan bimbingan kebijaksanaan akal dan memanfaatkan anggotanya sebaik mungkin dengan penuh kesungguhan dan rajin.

Perjuangan menegakkan Islam sentiasa memerlukan perancangan dan jangkaan bagi mengatur dan menyusun langkah dan tindakan yang akan melahirkan kesan dan hasil tertentu.

Berdasarkan hakikat di atas, perjuangan bangsa Melayu bagi menegakkan agama, memartabatkan bangsa dan membangunkan negara, memerlukan ungkapan baru yang sesuai dengan zaman dan realiti masa kini.

Ia tidak boleh bergantung kepada wawasan lama dan pendekatan usang. Perjuangan untuk agama, misalnya, tidak lagi sekadar mendirikan masjid, surau dan sekolah agama.

Tetapi apabila prasarana ibadah itu telah berjaya dilengkapkan, perjuangan menegakkan agama semestinya diungkap kembali untuk mencapai wawasan baru yang lebih maju dan progresif. Ia mesti meneroka lapangan hidup yang lebih luas.

Demikian juga dengan perjuangan memartabatkan bangsa Melayu. Sebelum adanya cerdik pandai dan profesional serta ilmuwan dan ulama Melayu, perjuangan bangsa Melayu dan tuntutannya ialah menyediakan biasiswa, mengeluarkan pelbagai bantuan kewangan untuk mengurangkan jurang pendapatan antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu.

Mungkin dasar afirmatif ini masih diperlukan tetapi wawasan perjuangan Melayu tidak seharusnya berakhir di situ sehingga bangsa Melayu sentiasa memerlukan tongkat untuk berdiri.

Wawasannya harus melampaui tuntutan dan keperluan dasar afirmatif berkenaan. Perjuangan Melayu mestilah dibangunkan berasaskan cita-cita untuk menjadikan bangsa Melayu mampu bersaing, tegak sendiri tanpa bantuan dan kental berhadapan dengan cabaran semasa.

Perjuangan Melayu untuk memajukan negara juga perlu diungkap kembali, sesuai dengan kemajuan yang dicapai oleh negara kita hari ini. Wawasan untuk menjadikan negara ini negara maju beracuan sendiri menjelang tahun 2020 adalah lakaran baru yang diperlukan negara.

Tetapi perjuangan menegakkan agama dan memartabatkan bangsa belum menampakkan lakaran perjuangan baru yang jelas. Sesuatu langkah segera bagi melakarkan perjuangan bangsa untuk menegakkan agama dan memartabatkan bangsa, perlu diambil supaya kemajuan negara dapat dinikmati oleh bangsa Melayu dan acuan yang hendak dibentuk tidak terpesong daripada pandangan hidup Islam. Umat pula tidak dihanyutkan oleh arus kemajuan yang dicapai.

Lakaran baru perjuangan agama menjadi lebih penting setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan negara ini sebagai sebuah negara Islam.

Dengan pengisytiharan itu, keIslaman negara ini yang memberi rahmat kepada semua rakyat tanpa membezakan kaum dan agama, perlu dirancang secara teliti dan dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan supaya kepentingan dan hak semua pihak terpelihara dan negara akan bertambah makmur dan sejahtera.

Walaupun dasar pembangunan negara sekarang tidak terkeluar daripada tuntutan Islam, namun penghayatan Islam bagi melahirkan negara sejahtera yang mendapat pengampunan Tuhan, perlu diperkukuhkan.

Dengan pengukuhan penghayatan Islam sebagai cara hidup yang lengkap, slogan kosong yang memeralatkan Islam untuk kepentingan politik golongan, dapat disekat daripada menjadi penghalang usaha pembangunan negara.

Perjuangan menegakkan agama memerlukan sesuatu langkah dan tindakan yang diambil bagi tujuan itu diberikan konsep dan maknanya yang jelas supaya tidak mudah dikelirukan.

Justeru, manusia sering beralih kepada cita-rasa yang lebih abstrak sekiranya keperluan asas yang diperlukannya telah dipenuhi. Makna dan konsep bagi sesuatu tindakan dan langkah yang diambil boleh memberikan keyakinan yang akan menambah iltizam kepada perjuangan menegakkan agama.

Bahkan dengan memberikan konsep dan makna kepada tindakan dan sesuatu rancangan boleh didedahkan kepada teguran dan kritikan membina yang boleh memperbaiki sesuatu langkah dan tindakan perjuangan yang diambil.

Konsep perjuangan agama, jika dilihat hanya dari segi pembinaan masjid, surau dan sekolah agama, tidak lagi memberi makna yang besar kepada perjuangan agama yang sebenar.

Ini kerana prasarana ibadah dan pendidikan di negara ini telah lengkap. Perjuangan agama mestilah memasuki ruang lingkup lebih luas dan bergerak di dalam lingkungan pandangan hidup Islam itu sendiri.

Berdasarkan pandangan hidup Islam, manusia adalah hamba Allah SWT dan khalifah di bumi. Sebagai hamba kepada Allah, manusia Muslim hendaklah bebas daripada perhambaan kepada yang lain daripada Allah.

Perjuangan bagi membina jiwa yang bebas ini adalah dimensi perjuangan menegakkan agama yang penting. Jika orang Islam memiliki jiwa yang serba terikat dengan pelbagai rintangan kejiwaan dan budaya yang menghalangnya bergerak maju ke hadapan, masyarakat Islam di negara ini akan lemah. Mereka tidak mampu berhadapan dengan cabaran di alaf baru yang cukup kuat.

Perjuangan menegakkan agama juga perlu menjurus ke arah membina keupayaan umat untuk menjadi khalifah di bumi di mana kita berdaulat di

dalamnya, iaitu negara ini.

Fungsi khalifah ialah mengurus bumi yang diamanahkan dengan baik, cemerlang dan terhindar daripada sebarang bentuk kerosakan yang membawa kehancuran dan kemusnahannya. Sebaliknya, bumi yang diamanahkan ini diurus dengan bijaksana untuk menegakkan tamadun luhur yang sesuai dengan manusia yang bertamadun dan berpekerti tinggi.

Perjuangan menegakkan agama kini memasuki era membina bangsa Melayu yang berkualiti Muslim sejati yang dikenali bukan hanya sekadar berjubah dan berserban atau kepetahan berpidato.

Manusia Muslim yang berkualiti ialah manusia yang teguh keyakinannya yang dibentuk daripada kefahaman dan ilmu pengetahuan. Ia adalah manusia yang menguasai pelbagai kemahiran dan menggunakan secara maksimum potensi kemanusiaannya iaitu akal, naluri dan anggotanya, untuk membina kehidupan yang maju, progresif dan bertamadun tinggi.

Perjuangan menegakkan agama untuk kelahiran suatu tamadun mengikut acuan sendiri, memerlukan perancangan dan tindakan yang teratur dan bersungguh-sungguh.

Bagi tujuan menjayakan perancangan, penyelidikan dan kajian mendalam adalah diperlukan sehingga sesuatu yang hendak dirancang itu difahami secara mendalam dan tepat. Dengan perancangan yang teliti dan pelaksanaan bersungguh-sungguh, umat dan negara ini akan mencapai matlamat perjuangan Islam yang sebenar.

Pandangan yang dikemukakan ini diharapkan dapat menyedarkan mereka yang menggambarkan perjuangan menegakkan agama sekadar berceramah dan menukar bentuk pakaian semata-mata.

Begitu juga ia diharapkan dapat menyedarkan mereka yang berjuang menegakkan Islam dengan slogan dan laungan kosong tanpa perancangan dan pelaksanaan yang bertahap bagi mencapai tujuan menegakkan agama secara berkesan.

Mereka yang berjuang menegakkan agama dengan hanya berslogan beretorik dan berpidato lantang tanpa mengemukakan konsep perjuangan yang jelas, tanpa perancangan dan mengatur tahap pelaksanaan yang berkesan, adalah mereka yang mensia-siakan kehidupan di dalam keadaan mereka yang sedar dan berniat baik.

Sayang sekali kesedaran dan niat yang baik itu disia-siakan begitu rupa.

(END)